

Pasukan UMS duduki tempat ketiga

UB 27.11.2019 20

Menewaskan NPUST 2-1 pada Kejohanan Futsal Jemputan Antarabangsa Piala NPUST 2019 di Taiwan

Oleh Vitalis G Bingkasan

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menduduki tempat ketiga Kejohanan Futsal Jemputan Antarabangsa Piala National Pingtung University of Science and Technology (NPUST) 2019 di Taiwan.

Kejohanan yang bermula 22 November dan berakhir semalam itu menyaksikan UMS menumpaskan pasukan tuan rumah NPUST Taiwan 2-1 pada penentuan tempat ketiga dan keempat.

Ketua jurulatih, Azman Soaibah berkata, UMS terlepas tempat ke final selepas kalah 3-2 menerusi penentuan sepakan penalti dengan Universiti Ho Chi Minh Vietnam pada separuh akhir.

Perlawanan itu berlarutan ke penentuan sepakan penalti selepas kedua-dua pasukan terikat dengan keputusan seri 3-3 pada sepenuh masa permainan.

UMS mara ke separuh akhir selaku naib juara sangan peringkat Kumpulan B yang membabitkan empat pasukan di mana mereka menang dua kali dan kalah sekali.

UMS menang 3-1 ke atas Universiti Shi Hsin Taiwan dan membelasah National Chung Hsing University Taiwan 10-0 tetapi kalah 1-4 di tangan juara kumpulan, Srinkharinwirot University Thailand.

Srinkharinwirot kemudiannya muncul juara dengan menumpaskan Universiti



TEMPAT KETIGA: Skuad futsal UMS menduduki tempat ketiga Kejohanan Futsal Jemputan Antarabangsa di Taiwan semalam.

Ho Chi Minh Vietnam 2-1 pada final semalam.

"Kami telah cuba yang terbaik dan saya fikir menduduki tempat ketiga adalah pencapaian membanggakan. Kami hanya tewas menerusi penentuan penalti pada separuh akhir.

"Cabaran agak besar teru-

tama ketika berhadapan dengan pasukan dari Vietnam dan Thailand kerana mereka dibarisi ramai pemain kebangsaan," kata Azman ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, UMS yang dibarisi pelajar daripada pelbagai fakulti dan pro-

gram menyertai kejohanan membabitkan lapan pasukan itu atas jemputan NPUST di mana mereka adalah wakil tunggal Malaysia.

Pasukan lain yang turut bertanding ialah Universiti Ho Chi Minh, Universiti Srinkharinwirot, Universiti Chung Hwa Taiwan,

University Shi Hsin Taiwan, National Chung Hsing Taiwan dan pasukan tuan rumah NPUST.

Pemain UMS terdiri dari-pada As Asyryl Affendy Mohd Abtahi, Muhammad Iman Bakar, Mohd Salleh Yusup, Mohd Naaim Firdaus Stibin, Nurhad I

Bacho, Mohd Syafiq Mohd Nor, Muhammad Faris Kamarol Zamal, Ahmad Nur Aidil Mohamad dan Mohd Fauzi Helmi Noorsalin.

Turut bersama ialah Rudie Adie Razak selaku ketua rombongan dan penolong jurulatih, Erwin Rusfian Rukkung.